

Syarikat pengeluar minyak ke-12 terbesar di dunia, tiga juta tong bahan api sehari

Agong lawat ADNOC di Abu Dhabi



AL-SULTAN ABDULLAH (empat dari kanan) bersama Pemangku Raja Pahang (lima dari kanan) ketika mengadakan lawatan di ADNOC, Abu Dhabi kelmarin. - ISTANA NEGARA

PETALING JAYA – Yang di-Per-tuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Abu Dhabi National Oil Company (ADNOC) petang kelmarin.

Turut berangkat, Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah dan Tengku Panglima, Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah.

Keberangkatan tiba Seri Paduka disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif ADNOC, Dr. Sultan Ahmed Al-Jaber dan barisan pengurusan tertinggi syarikat itu.

Turut mengiring, Duta Besar Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Mohd. Tarid Sufian.

ADNOC adalah syarikat minyak dan petrokimia nasional Abu Dhabi dan syarikat pengeluar minyak ke-12 terbesar di dunia dengan jumlah pengeluaran tiga

juta tong minyak sehari.

Program lawatan ke ADNOC adalah satu daripada acara dalam lawatan khas lima hari Seri Paduka ke Abu Dhabi, UAE.

Lawatan khas itu adalah atas jemputan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan.

Agenda utama lawatan khas ini melibatkan perbincangan Al-Sultan Abdullah bersama Sheikh Mohamed Zayed dan kepimpinan tertinggi kerajaan UAE berkenaan hasrat kerajaan UAE untuk menyumbang sebanyak 500,000 dos vaksin Covid-19 kepada Malaysia bagi tujuan ujian klinikal fasa ketiga di negara ini.

UAE merupakan rakan dagang dan sumber eksport serta import terbesar Malaysia di rantau Asia Barat dengan nilai dagangan dua hala berjumlah AS\$6.42 bilion (RM25.9 bilion) pada 2019.